



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MANUAL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH VERSI 2

2021

KANDUNGAN

PENGENALAN.....	3
PRINSIP ASAS	3
DEFINISI OPERASI	5
OBJEKTIF	5
PENDEKATAN.....	5
PELAKSANAAN.....	9
PENUTUP	12

PENGENALAN

1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) menetapkan setiap murid mendapat akses kepada pendidikan untuk mencapai potensi diri bagi menghadapi kehidupan masa hadapan. Oleh itu, murid berhak mendapat peluang mengikuti pendidikan, meskipun mereka tidak dapat hadir ke sekolah.
2. Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah dibangunkan bertujuan untuk membantu guru melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai alternatif pembelajaran norma baharu. Manual ini juga sebagai rujukan untuk pentadbir sekolah, pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
3. Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2 dibangunkan sebagai penambahbaikan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah yang dikeluarkan pada 2 Oktober 2020.
4. Manual ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, surat pemakluman dan garis panduan KPM berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

PRINSIP ASAS

5. Pelaksanaan PdPR mestilah memenuhi prinsip asas yang diperlukan bagi memberikan ruang dan peluang kepada pihak sekolah mengatur strategi untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara optimum. Hal ini demikian kerana setiap sekolah unik

dan mempunyai keperluan serta cabaran tersendiri. Prinsip asas yang perlu dipertimbangkan adalah seperti yang berikut:

5.1. Tiada murid tercicir dalam pembelajaran.

Sekolah perlu memastikan semua murid dapat mengikuti PdPR berdasarkan keperluan dan kesediaan mereka. Guru perlu mengenal pasti kaedah PdPR yang sesuai supaya murid dapat menguasai kandungan mata pelajaran yang ditetapkan. Guru hendaklah meneroka cara yang berbeza dan bersesuaian untuk kelangsungan dan peningkatan pelibatan murid dalam PdPR.

5.2. Asas pembelajaran dipenuhi.

Guru perlu memastikan standard kandungan dan standard pembelajaran yang disampaikan melalui kaedah yang pelbagai dan bersesuaian serta mengambil kira kecenderungan, minat, gaya pembelajaran dan keupayaan murid. Guru hendaklah melaksanakan pentaksiran yang adil dan menyeluruh bagi memastikan murid mencapai tahap penguasaan yang ditetapkan.

5.3. Kesejahteraan sosioemosi murid diutamakan.

Pentadbir sekolah dan guru perlu sentiasa peka kepada keperluan murid untuk mengikuti PdPR. Sosioemosi merujuk pelbagai aspek seperti motivasi untuk belajar, hubungan dengan guru dan rakan, dan mempunyai matlamat dalam kehidupan. Oleh itu, guru hendaklah mengambil kira aspek sosioemosi murid dalam merancang PdPR supaya murid berasa seronok dan selesa untuk belajar. Guru bimbingan kaunseling berperanan dalam membantu murid yang

memerlukan sokongan supaya mereka bersedia mengikuti PdPR.

DEFINISI OPERASI

6. **Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)** bermaksud pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/atau luar talian secara berstruktur dan terancang. PdPR dilaksanakan apabila murid tidak dapat hadir ke sekolah dalam satu tempoh yang tertentu atas sebab bencana atau wabak atau sebab-sebab lain dengan kelulusan pendaftar negeri.

OBJEKTIF

7. Objektif Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2 ialah:
 - 7.1. Sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang.
 - 7.2. Membolehkan murid mengikuti PdPR secara optimum.

PENDEKATAN

8. PdPR boleh dilaksanakan secara dalam talian atau luar talian atau secara luar kawasan sekolah (off-site). Guru boleh melaksanakan PdPR dengan menggunakan satu daripada kaedah ini atau gabungan kaedah mengikut kesesuaian.

8.1. **Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian** berlaku apabila terdapat capaian Internet dan penggunaan peranti yang membolehkan murid belajar secara masa sebenar (real time). Guru boleh melaksanakan PdPR melalui:

- 8.1.1. pelantar pembelajaran seperti Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa), Cikgootube, EduWebTV dan aplikasi media sosial; atau
- 8.1.2. aplikasi seperti Google Meet atau Microsoft Teams secara lintas langsung (live streaming); atau
- 8.1.3. E-Permainan (gamification), video, klip audio, e-Buku dan rakaman atau tugas dalam talian.

8.2. **Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara luar talian** berlaku tanpa capaian Internet tetapi murid belajar menggunakan peranti seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar. Pembelajaran juga boleh berlaku apabila murid belajar menggunakan buku teks atau bahan pembelajaran lain. Pendekatan ini boleh dilaksanakan seperti yang berikut:

- 8.2.1. Bahan-bahan PdP dalam bentuk video, audio, slaid, nota dan latihan boleh dimuat turun daripada sumber seperti di para 8.1.1 dan 8.1.3.
- 8.2.2. Proses memuat turun bahan dilakukan semasa terdapat capaian Internet dan diberikan kepada murid melalui medium komunikasi yang bersesuaian.

- 8.3. **Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara *off-site*** ialah pendekatan pembelajaran yang berlaku di lokasi seperti di pusat komuniti, atau di mana-mana premis yang diisytiharkan sebagai pusat pemindahan sementara akibat bencana atau wabak. Pelaksanaan pendekatan ini adalah seperti yang berikut:
- 8.3.1. Pembelajaran secara luar kawasan (*off-site*) dilaksanakan mengikut Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016: Garis Panduan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Akibat Bencana.
 - 8.3.2. Pembelajaran boleh berlaku secara sendiri atau dengan bimbingan *Academic Support Team (AST)* yang terdiri daripada pegawai PPD atau guru sekolah yang dilantik.
 - 8.3.3. PdPR secara luar kawasan juga boleh dilaksanakan di lokasi yang bersesuaian dengan persetujuan pihak sekolah dan ibu bapa/penjaga serta komuniti. Pasukan PdPR secara *off-site* terdiri daripada guru-guru yang dikenal pasti oleh pihak sekolah.
9. Pelaksanaan PdPR dalam talian dan luar talian yang melibatkan penggunaan peranti perlu mengambil kira tempoh layar (*screen time*). Tempoh layar merujuk kepada masa yang diluahkan bagi penggunaan peranti seperti televisyen, komputer, komputer riba, tablet dan telefon pintar. Penggunaan peranti semasa PdPR secara berterusan tanpa melibatkan sebarang pergerakan fizikal yang aktif

dalam satu tempoh yang lama boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan dan perkembangan murid.

10. Guru adalah disarankan memperuntukkan waktu rehat pendek (short break) 2-5 minit pada setiap 30 minit sesi PdPR (2-5 minit) dan pada waktu peralihan mata pelajaran (5-10 minit) dengan meminta murid melakukan aktiviti seperti regangan atau senaman ringan. Guru juga boleh menggunakan aktiviti PdPR yang interaktif dan melibatkan pergerakan fizikal semasa PdPR dalam talian.

KAEDAH PdPR

11. Antara kaedah PdPR yang boleh digunakan ialah pembelajaran menggunakan modul dan pembelajaran berasaskan projek.
 - 11.1. **Modul pembelajaran** perlu dirancang secara berstruktur untuk memenuhi keperluan mata pelajaran dan dilaksanakan dalam tempoh yang bersesuaian.
 - 11.2. Modul pembelajaran yang dibangunkan perlu mengandungi perkara-perkara berikut:
 - 11.2.1. Sasaran murid (prasekolah, rendah, menengah).
 - 11.2.2. Tajuk atau tema modul.
 - 11.2.3. Objektif pembelajaran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).
 - 11.2.4. Tempoh pelaksanaan aktiviti.
 - 11.2.5. Penerangan berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti.
 - 11.2.6. Nota berstruktur berkaitan dengan tajuk modul.
 - 11.2.7. Aktiviti yang relevan dengan topik PdP (contoh).
 - 11.2.8. Pentaksiran untuk mengukur penguasaan murid.

- 11.3. Modul pembelajaran ini diedarkan kepada murid berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang ditetapkan.
- 11.4. Murid perlu menyerahkan hasil tugas untuk disemak/ditaksir dan mendapatkan maklum balas daripada guru sebelum menerima modul pembelajaran seterusnya.
- 11.5. **Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berasaskan projek** dilaksanakan mengikut mata pelajaran atau gabungan beberapa mata pelajaran. Pelaksanaannya adalah seperti berikut:
 - 11.5.1. Memberi tajuk kepada murid.
 - 11.5.2. Membimbing murid untuk mengenal pasti kaedah menyiapkan projek yang diberikan.
 - 11.5.3. Membimbing murid untuk mengenal pasti bahan, peralatan dan kos yang diperlukan.
 - 11.5.4. Menentukan jangka masa menyiapkan projek.
 - 11.5.5. Membimbing murid menyelesaikan projek.
 - 11.5.6. Membentangkan hasil projek.
 - 11.5.7. Membuat refleksi tentang proses penghasilan projek.
- 11.6. Guru boleh juga melaksanakan kaedah PdP yang lain seperti kelas balikan (flipped classroom), pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran masteri, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran penyelesaian masalah.

PELAKSANAAN

12. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) perlu dirancang mengikut keupayaan murid dan kesediaan sumber yang ada. Pihak sekolah perlu menyediakan jadual waktu dengan merujuk Panduan

Pelaksanaan Jadual Waktu Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah.

13. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) hendaklah dilaksanakan secara berterusan bagi menentukan tahap penguasaan murid samada secara pemerhatian, lisan atau penulisan.
14. Guru berperanan dalam melaksanakan perkara berikut:
 - 14.1. Menyusun semula Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan takwim persekolahan yang berkuat kuasa.
 - 14.2. Merancang RPH dan jadual waktu PdPR supaya kandungan kurikulum dapat disampaikan secara optimum.
 - 14.3. Menentukan kaedah penyampaian yang fleksibel mengikut situasi semasa dengan mengambil kira sumber yang ada pada murid.
 - 14.4. Menyediakan bahan PdPR yang mudah didapati, diakses dan bersesuaian dengan kaedah PdPR yang digunakan.
 - 14.5. Memastikan murid mendapat tugas/latihan yang dirancang oleh guru.
 - 14.6. Mengadakan perbincangan antara guru untuk mengelakkan murid menerima tugas/kerja rumah yang banyak pada satu-satu masa.
 - 14.7. Menetapkan masa perbincangan dengan murid selain waktu PdPR.
 - 14.8. Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti kuiz, tugas/latihan dan projek untuk menentukan pencapaian murid.

- 14.9. Merekodkan pelibatan murid dalam PdPR menggunakan kaedah yang bersesuaian.
 - 14.10. Melaporkan pelaksanaan PdPR di dalam templat pelaporan yang disediakan.
 - 14.11. Mengadakan perbincangan dengan ibu bapa/penjaga untuk menyokong pembelajaran murid di rumah.
 - 14.12. Memaklumkan ibu bapa/penjaga jika kelas tidak dapat dijalankan seperti yang dijadualkan.
15. Pentadbir berperanan untuk:
- 15.1. Memastikan perancangan dan pengurusan PdPR dilaksanakan dengan teliti, cekap dan berkesan.
 - 15.2. Memastikan semua guru melaksanakan PdPR mengikut jadual yang ditetapkan.
 - 15.3. Mengelakkan pertindanan masa antara mata pelajaran dalam jadual waktu.
 - 15.4. Memastikan tiada lambakan tugas/kerja rumah yang diberikan kepada murid.
 - 15.5. Mengatur jadual pembelajaran yang fleksibel bagi menguruskan aktiviti PdPR yang berkesan.
 - 15.6. Memantau PdPR yang dijalankan dan memberikan sokongan yang bersesuaian kepada guru.
16. Ibu bapa/penjaga berperanan untuk:
- 16.1. Membantu anak/anak jagaan mendapat maklumat berkaitan dengan sesi PdPR bersama-sama guru ataupun arahan/tugas/kerja rumah yang diberikan guru.
 - 16.2. Membantu anak/anak jagaan mengakses DELIMa, TV Pendidikan, EduwebTV (koleksi video) dan Cikgootube.

17. Komuniti berperanan untuk:

17.1. Memberi bantuan kepada sekolah dari segi material seperti bahan atau peralatan.

17.2. Memberi sokongan dan perkhidmatan dalam bentuk idea, tenaga dan kemahiran.

PENUTUP

18. Manual PdPR ini merupakan panduan kepada guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran secara optimum. Kejayaan PdPR murid memerlukan sokongan semua pihak iaitu KPM, JPN, PPD, sekolah, guru, ibu bapa/ penjaga dan komuniti.